



SIARAN MEDIA

SUMBANGAN 632 LOGO 'SAYANGI MALAYSIAKU' BUKTI MANIFESTASI KASIH SAYANG KEPADA NEGARA

PUTRAJAYA, 8 JULAI 2018 – Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini membawa kelainan apabila membuka peluang kepada rakyat Malaysia untuk berkongsi idea kreatif dalam ciptaan logo dan mengemukakan cadangan berkenaan sambutan yang mereka harapkan.

Sebanyak 632 sumbangan logo diterima oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia melalui Jabatan Penerangan Malaysia selaku Urus Setia Logo 'Sayangi Malaysiaku'. Penyertaan sumbangan logo ini telah dibuka selama sebulan kepada orang ramai mulai 7 Jun 2018 sehingga 7 Julai 2018. Logo dengan bertema Hari Kebangsaan tahun ini iaitu 'Sayangi Malaysiaku' akan disenarai pendek oleh para juri untuk diangkat ke pertimbangan Jemaah Menteri dan seterusnya dipilih sebagai logo rasmi bagi sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia Tahun 2018.

Sambutan penyertaan orang ramai amat membanggakan dan membuktikan manifestasi kasih sayang dan semangat patriotisme yang tinggi kepada negara. Sumbangan logo ini disertai pelbagai bangsa yang merangkumi segenap lapisan usia. Antara yang menarik adalah penyertaan seorang warga emas berusia 84 tahun manakala peserta paling muda adalah pelajar sekolah berusia 15 tahun. Turut diterima adalah penyertaan sebanyak lima (5) logo daripada golongan orang kurang upaya (OKU), selain penyertaan daripada lapan (8) warga emas dan 46 logo yang dicipta secara lukisan tangan.

Antara kriteria utama pemilihan 10 logo yang disenarai pendek adalah berdasarkan kreativiti, keaslian ciptaan, *wow factor* dan rasional logo berdasarkan tema 'Sayangi Malaysiaku'. Semua sumbangan logo akan dinilai oleh panel juri bertauliah iaitu:

1. YM Profesor Dato' Raja Zahabuddin bin Raja Yaakob
Ahli Lembaga Galeri Shah Alam;
2. Encik Joseph Foo
Founding Partner & Executive Creative Director, 3nity; dan
3. Encik Mohd Roffee bin Mohamad
Pengarah Bahagian Komunikasi Visual dan Senireka
Jabatan Penerangan Malaysia

Selain sumbangan ciptaan logo tahun ini, bagi menyemarakkan semangat patriotisme, orang ramai turut dialu-alukan untuk terus mengemukakan cadangan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia melalui laman Facebook Merdeka 360 atau laman sesawang malysiamerdeka.my.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia mengucapkan terima kasih atas sumbangan logo daripada orang ramai dan berharap agar sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia akan terus diraikan dengan semangat perpaduan.

###

Disediakan oleh : Jawatankuasa Media dan Publisiti
Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2018
Aras 10, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya

Telefon : 03-89117381

Faks : 03-89117525

E-mel : sayangimalaysiaku2018@gmail.com

Tarikh dikeluarkan : 8 Julai 2018